



Ayat Majmuk Gabungan

- Ayat majmuk gabungan atau ayat gabungan ialah ayat yang terdiri daripada dua atau lebih daripada dua ayat yang disambungkan menjadi satu ayat dengan menggunakan kata hubung seperti *dan, atau, serta, tetapi, sambil*, dan sebagainya.
- Contoh :
- Salmi **dan** Zaki adiknya belajar di Sekolah Menengah Sains Sultan Mohamad Jiwa, Sungai Petani, Kedah.
- * Ayat ini sebenarnya berasal daripada dua ayat tunggal iaitu :

Ayat Majmuk Gabungan	Salmi dan Zaki adiknya belajar di Sekolah Menengah Sains Sultan Mohamad Jiwa, Sungai Petani, Kedah.
Ayat Tunggal (a)	Salmi belajar di Sekolah Menengah Sains Sultan Mohamad Jiwa, Sungai Petani, Kedah.
Ayat Tunggal (b)	Zaki adiknya belajar di Sekolah Menengah Sains Sultan Mohamad Jiwa, Sungai Petani, Kedah.
Kata Hubung	dan



Dalam aspek menggabungkan ayat, soalan-soalan yang mungkin dikemukakan adalah seperti contoh yang berikut :

⇒ *Gabungkan ayat-ayat tunggal yang berikut dengan menggunakan kata hubung yang sesuai.*

- (i) Dia menunggang basikal. Dia bernyanyi.
- (ii) Shahidan menjadi doktor. Adiknya menjadi peguam.
- (iii) Ayah akan balik esok. Ayah akan balik lusa.

Jika soalan seperti ini, maka pelajar hendaklah menulis ayat-ayat tersebut dalam bentuk ayat gabungan seperti berikut :

Jawapan contoh (i)

Ayat tunggal (a) : Dia menunggang basikal.

Ayat tunggal (b) : Dia bernyanyi.

Kata hubung : sambil



Jawapan contoh (ii)

Ayat tunggal (a) : Shahidan menjadi doktor.

Ayat tunggal (b) : Adiknya menjadi peguam.

Kata hubung : tetapi

Ayat majmuk : Shahidan menjadi doktor, **tetapi** adiknya menjadi peguam.

Jawapan contoh (iii)

Ayat tunggal (a) : Ayah akan balik esok.

Ayat tunggal (b) : Ayah akan balik lusa.

Kata hubung : atau

Ayat majmuk : Ayah balik esok **atau** lusa.



Soalan juga mungkin akan meminta pelajar memisahkan ayat majmuk kepada ayat-ayat tunggal.

Contohnya adalah seperti yang berikut :

⇒ *Pisahkan ayat-ayat yang berikut kepada ayat-ayat tunggal.*

(i) Cikgu Azhari akan datang esok atau lusa.

(ii) Jamal naik ke atas pentas lalu bernyanyi.

(iii) Encik Hassan memandu kereta sambil mendengar radio.

Jawapan contoh (i)

Ayat majmuk gabungan : Cikgu Azhari akan datang esok atau lusa.

Ayat-ayat tunggalnya ialah :

Ayat tunggal (a) : Cikgu Azhari akan datang esok.

Ayat tunggal (b) : Cikgu Azhari akan datang lusa.



Jawapan contoh (ii)

Ayat majmuk gabungan : Jamal naik ke pentas lalu bernyanyi.

Ayat-ayat tunggalnya ialah :

Ayat tunggal (a) : Jamal naik ke pentas.

Ayat tunggal (b) : Jamal bernyanyi.

Jawapan contoh (iii)

Ayat majmuk gabungan : Encik Hassan memandu kereta sambil
mendengar radio.

Ayat-ayat tunggalnya ialah :

Ayat tunggal (a) : Encik Hassan memandu kereta.

Ayat tunggal (b) : Encik Hassan mendengar radio.



Ayat Majmuk Pancangan

Ayat majmuk pancangan terbahagi kepada tiga jenis, iaitu :

- Ayat Majmuk Pancangan Relatif.
- Ayat Majmuk Pancangan Komplemen.
- Ayat Majmuk Pancangan Keterangan.

Ayat Majmuk Pancangan Relatif

Ayat majmuk pancangan relatif ialah ayat yang menggunakan kata relatif *yang* seperti contoh-contoh berikut :

11. Saroja memakai sari yang berwarna ungu.
12. Motosikal yang ditunggangnya itu ialah motosikal abangnya.
13. Bapa saya suka menonton filem yang bercorak jenaka.
14. Orang yang bertali leher itu ialah pegawai daerah kita.



Setiap ayat yang ditunjukkan tadi sebenarnya terdiri daripada dua ayat, iaitu *ayat induk* dan *ayat kecil relatif*.

Misalnya ayat 1 :

Ayat Induk	Saroja memakai sari
Ayat Kecil	Sari itu berwarna ungu
Kata Hubung Relatif	yang
Ayat Majmuk Pancangan Relatif	Saroja memakai sari yang berwarna ungu



Ayat Majmuk Pancangan Komplemen

Ayat majmuk pancangan komplemen terbina daripada ayat induk dan ayat komplemen yang menggunakan kata komplemen *bahawa* atau *untuk* seperti contoh yang berikut :

1. Encik Ariff menerangkan bahawa anaknya sakit.
8. Untuk Azman lulus dalam peperiksaan itu amatlah mudah.

Setiap ayat yang ditunjukkan tadi sebenarnya terdiri daripada dua ayat, iaitu *ayat induk* dan *ayat komplemen*.

Ayat Induk	Encik Ariff menerangkan (sesuatu).
Ayat Kecil	Anaknya sakit.
Kata Hubung Komplemen	Bahawa
Ayat Majmuk Pancangan Komplemen	Encik Ariff menerangkan bahawa anaknya sakit



Ayat 2 :

Ayat Induk	Perkara itu amatlah mudah.
Ayat Kecil	Azman lulus dalam peperiksaan.
Kata Hubung Komplemen	Untuk
Ayat Majmuk Pancangan Komplemen	Untuk Azman lulus dalam peperiksaan itu amatlah mudah.

Ayat-ayat contoh yang lain ialah :

10. Kerajaan mengumumkan bahawa jejambat dilingkaran MRR2 akan ditutup selama empat bulan.
12. Encik Sallehuddin menafikan bahawa barang-barang kemas isterinya telah hilang.
13. Bahawa projek mega itu gagal adalah tidak tepat.
14. Untuk mengatakan dia mencuri barang itu adalah mustahil
15. Agak mudah untuk dia memenangi pilihan raya kecil itu.



Ayat Majmuk Pancangan Keterangan

Ayat majmuk pancangan keterangan atau ayat keterangan ialah ayat majmuk yang terdiri daripada ayat induk dan satu ayat kecil atau lebih yang berfungsi sebagai keterangan kepada predikat. Ayat kecil ini berfungsi memberikan huraian lanjut kepada kata kerja dalam ayat induk. Ayat keterangan ini dapat dikenal berdasarkan kata keterangan yang digunakan dalam pelbagai jenis ayat keterangan seperti yang terdapat dalam jadual yang berikut :

Jenis-jenis Ayat Keterangan	Kata Keterangan	Ayat Contoh
Keterangan musabah	kerana	Dia tidak dapat hadir ke majlis itu kerana dia tidak sihat.
	lantaran	Suhaimi berjaya dalam peperiksaan itu lantaran usahanya yang bersungguh-sungguh.
	oleh sebab	Mereka menaiki teksi oleh sebab mereka ketinggalan bas.



Jenis-jenis Ayat Keterangan	Kata Keterangan	Ayat Contoh
Keterangan musabab	kerana lantaran oleh sebab	Dia tidak dapat hadir ke majlis itu <i>kerana</i> dia tidak sihat. Suhaimi berjaya dalam peperiksaan itu <i>lantaran</i> usahanya yang bersungguh-sungguh. Mereka menaiki teksi <i>oleh sebab</i> mereka ketinggalan bas.
Keterangan akibat	hingga sehingga	Dia asyik bernyanyi <i>hingga</i> sakit tekaknya. Ain belajar bersungguh-sungguh <i>sehingga</i> dia berjaya.
Keterangan syarat	sekiranya andai kata jikalau jika kalau	Saya akan turut pergi berkelah <i>sekiranya</i> saya mendapat kebenaran daripada keluarga saya. <i>Andai kata</i> mereka mencerobohi kawasan kita, kita akan melaporkannya kepada polis. <i>Jikalau</i> mereka tidak datang, kita akan pergi ke tempat mereka. Zulaihah akan menerima peminangan Huzaifah <i>jika</i> Huzaifah berjaya mengalahkan Shahrul dalam pertandingan bina badan yang akan diadakan nanti. <i>Kalau</i> semua orang bersetuju dengan cadangan itu, kita terpaksa akur dengan pendapat majoriti.



Jenis-jenis Ayat Keterangan	Kata Keterangan	Ayat Contoh
Keterangan waktu	sejak setelah sementara tatkala ketika	Zaidi bercita-cita menjadi jurutera <i>sejak</i> dari kecil lagi. Azizah membesarkan anak-anaknya sendirian <i>setelah</i> dia kematian suami. <i>Sementara</i> menunggu padi masak, Pak Abu menanam jagung di sekitar kawasan rumahnya. <i>Tatkala</i> hujan turun, mereka masih bermain di padang. Kami berjumpa dengan Zuraidah <i>ketika</i> menunggu bas untuk ke pekan petang semalam.
Keterangan pertentangan	walaupun kendatipun sedangkan sekalipun	<i>Walaupun</i> Halim miskin harta benda dan wang ringgit, tetapi dia kaya dengan budi bahasanya. <i>Kendatipun</i> Hang Tuah menyerangnya, Hang Jebat tetap mempertahankan tindakannya menderhaka terhadap sultan. Mereka berpindah juga ke bandar <i>sedangkan</i> hati mereka masih di desa. Zakuan boros berbelanja <i>sekalipun</i> pendapatannya bulanannya tidak seberapa.



Jenis-jenis Ayat Keterangan	Kata Keterangan	Ayat Contoh
Keterangan harapan	supaya moga-moga kalau-kalau	Sazali belajar bersungguh-sungguh <i>supaya</i> dia lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan SPMnya. Kami berdoa <i>moga-moga</i> kamu selamat pergi dan selamat kembali. Saya menawarkan harga yang berpatutan <i>kalau-kalau</i> kamu hendak membeli kereta saya.
Keterangan cara	dengan	Dia memandu kereta barunya <i>dengan</i> cermat agar kereta barunya itu tidak mengalami sebarang kerosakan.
Keterangan tunjuk	untuk demi	Puan Rahmah membeli kamus itu <i>untuk</i> rujukannya sendiri. Pak Malik bekerja bertungkus-lumus <i>demi</i> membiayai persekolahan anak-anaknya.
Keterangan perbandingan	seperti seolah-olah semacam	Sejak kematian ayah dan ibunya kehidupan Razi tidak tentu arah <i>seperti</i> anak ayam kehilangan ibu. Syamsul belajar berterus-terusan <i>seolah-olah</i> dia akan menghadapi peperiksaan pada keesokan harinya. Dia meracau-racau <i>semacam</i> orang yang dirasuk hantu.



Setia ayat di atas sebenarnya berasal daripada dua ayat tunggal.

Misalnya:

⇒ Dia tidak dapat hadir ke majlis itu *kerana* dia tidak sihat.

Ayat (a): Dia tidak dapat hadir ke majlis itu.

Ayat (b): Dia tidak sihat.

Kata Keterangan: *kerana*

Dalam peperiksaan SPM soalan-soalan yang dikemukakan mungkin memerlukan pelajar menyambungkan ayat atau memisahkan ayat majmuk komplemen. Oleh itu, pelajar hendaklah memberikan perhatian tentang cara-cara untuk menyambungkan ayat dan memisahkan ayat.



Soalan Contoh:

1. *Sambungkan ayat-ayat tunggal dibawah ini supaya menjadi ayat majmuk dengan menggunakan kata hubung yang sesuai.*

- (i) Anak gadis itu sedang bersyarah. Anak gadis itu anak saudara saya.
- (ii) Penduduk di kawasan lembah itu sedar (sesuatu). Mereka akan menghadapi banjir kilat.
- (iii) Nenek sampai di rumah. Nenek terus masuk ke dalam rumah.



Jawapan Contoh 1(i)

Ayat Tunggal (a): Anak gadis itu sedang bersyarah.

Ayat Tunggal (b): Anak gadis itu anak saudara saya.

Kata Hubung : kata relatif *yang*

Ayat Majmuk : Anak gadis *yang* sedang bersyarah itu anak saudara saya.

Jawapan Contoh 1(ii)

Ayat Tunggal (a): Penduduk di kawasan lembah itu sedar (sesuatu).

Ayat Tunggal (b): Mereka akan menghadapi banjir kilat.

Kata Hubung : kata komplemen *bahawa*

Ayat Majmuk : Penduduk di kawasan lembah itu sedar *bahawa* mereka akan menghadapi banjir kilat.



Jawapan Contoh 1(iii)

Ayat Tunggal (a): Nenek sampai di rumah.

Ayat Tunggal (b): Nenek terus masuk ke dalam rumah.

Kata Hubung : kata keterangan **setelah**

Ayat Majmuk : **Setelah** sampai di rumah nenek terus masuk ke dalam rumah.



2. *Ayat-ayat majmuk di bawah ini terdiri daripada beberapa ayat tunggal. Anda dikehendaki memisahkan ayat-ayat tersebut supaya menjadi ayat-ayat tunggal dengan menggunakan ayat gramatis.*

- (i) Mereka tidak dibenarkan masuk ke dalam dewan peperiksaan kerana mereka datang lewat.
- (ii) Mereka akan dibenarkan masuk ke dalam dewan itu jika mereka memberikan sebab kelewatan mereka.
- (iii) Untuk Redzuan lulus dalam ujian memandu itu amat mudah.



Jawapan Contoh 2(i)

Ayat Majmuk : Mereka tidak dibenarkan masuk ke dalam dewan peperiksaan kerana mereka datang lewat.

Atay Tunggal (a) : Mereka tidak dibenarkan masuk ke dalam dewan peperiksaan.

Atay Tunggal (b) : Mereka datang lewat.

Jawapan Contoh 2(ii)

Ayat Majmuk : Mereka akan dibenarkan masuk ke dalam dewan itu jika mereka memberikan sebab kelewatan mereka.

Atay Tunggal (a) : Mereka akan dibenarkan masuk ke dalam dewan itu.

Atay Tunggal (b) : Mereka memberikan sebab kelewatan mereka.



Jawapan Contoh 2(ii)

Ayat Majmuk : Untuk Redzuan lulus dalam ujian memandu itu amat mudah.

Atay Tunggal (a) : Redzuan lulus dalam ujian memandu.

Atay Tunggal (b) : Perkara itu amat mudah.



Ayat Majmuk Campuran

Ayat majmuk campuran ialah ayat yang mengandungi lebih daripada satu jenis ayat. Ayat majmuk campuran ini boleh terdiri daripada campuran ayat tunggal dengan ayat majmuk atau deretan pelbagai ayat majmuk. Contoh ayat majmuk campuran adalah seperti yang berikut:

⇒ *Razali sedang menonton televisyen tetapi kakaknya Rahimah yang belajar di Tingkatan Lima masih menelaah buku pelajaran.*

Ayat ini sebenarnya terdiri daripada tiga ayat. Secara mudahnya ayat tersebut dapat dihuraikan seperti yang berikut:

Ayat (a): Razali sedang menonton televisyen.

Ayat (b): Kakaknya Rahimah masih menelaah buku pelajarannya.

Ayat (c): Kakaknya rahimah belajar di Tingkatan Lima.

Ayat Majmuk Campuran:

Razali sedang menonton televisyen tetapi kakaknya Rahimah yang



Soalan yang akan dikemukakan mungkin berbentuk seperti yang berikut:

1. *Sambungkan ayat-ayat tunggal di bawah ini supaya menjadi ayat majmuk.*

- (i) Motosikal itu ditolak. Motosikal itu dibawa ke bengkel motosikal. Motosikal itu selalu rosak.
- (ii) Telefon bimbit itu ringan. Telefon bimbit itu kecil. Telefon bimbit itu baru dibelinya.
- (iii) Ayah pergi ke pasar raya. Ibu pergi ke pasar raya. Mereka membeli perkakas dapur.



Jawapan Contoh Soalan 1

- (i) Motosikal *yang* selalu rosak itu ditolak *untuk* dibawa ke bengkel motosikal.
- (ii) Telefon bimbit *yang* baru dibelinya itu ringan *kerana* telefon bimbit kecil.
- (iii) Ayah dan ibu pergi ke pasar raya *untuk* membeli perkakas dapur.



2. *Ayat-ayat majmuk di bawah ini terdiri daripada beberapa ayat tunggal. Anda dikehendaki memisahkan ayat-ayat tersebut kepada ayat-ayat tunggal dengan menggunakan ayat yang gramatis.*

- (i) Semua penuntut universiti boleh menjadi ejen kepada kerajaan bagi membentaras gejala penyalahgunaan dadah kerana mereka dapat menyampaikan mesej kepada masyarakat.
- (ii) Sewaktu golongan mahasiswa pulang ke kampung mereka boleh memainkan peranan mereka untuk mengajak remaja menjauhi dadah.
- (iii) Kerejan dan Kementerian Belia dan Sukan menyediakan peruntukan permulaan sebanyak RM 1 juta kepada Institusi Pengajian Tinggi tempatan untuk membantu menjayakan program membentaras gejala penyalahgunaan dadah.



Jawapan Contoh Soalan 2

- (i) Semua penuntut universiti boleh menjadi ejen kepada kerajaan bagi membentaras gejala penyalahgunaan dadah kerana mereka dapat menyampaikan mesej kepada masyarakat.

Ayat-ayat tunggal:

Ayat (a): Semua penuntut universiti boleh menjadi ejen kepada kerajaan.

Ayat (b): Mereka membentaras gejala penyalahgunaan dadah.

Ayat (c): Mereka dapat menyampaikan mesej kepada masyarakat.



- (ii) Sewaktu golongan mahasiswa pulang ke kampung mereka boleh memainkan peranan mereka untuk mengajak remaja menjauhi najis dadah.

Ayat-ayat tunggal:

Ayat (a): Golongan mahasiswa pulang ke kampung.

Ayat (b): Mereka boleh memainkan peranan mereka.

Ayat (c): Mereka mengajak remaja menjauhi najis dadah.



(iii) Kerejan dan Kementerian Belia dan Sukan menyediakan peruntukan permulaan sebanyak RM 1 juta kepada Institusi Pengajian Tinggi tempatan untuk membantu menjayakan program membenteras gejala penyalahgunaan dadah.

Ayat-ayat tunggal:

Ayat tunggal (a): Kerejan menyediakan peruntukan permulaan sebanyak RM 1 juta kepada Institusi Pengajian Tinggi tempatan.

Ayat tunggal (b): Kementerian Belia dan Sukan menyediakan peruntukan permulaan sebanyak RM 1 juta kepada Institusi Pengajian Tinggi tempatan.

Ayat tunggal (c): Perkara itu membantu menjayakan program membenteras gejala penyalahgunaan dadah.

